

**Soalan No. :55**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU  
(TUARAN)**

**TARIKH : 14.10.2014 (SELASA)**

**SOALAN : 55**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap negeri bermula tahun 1965 hingga sekarang untuk menyediakan kemudahan asas; jalan luar bandar; bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar mengikut tahun.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diluluskan jumlah peruntukan yang agak besar bagi membangunkan luar bandar terutamanya untuk tujuan pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas.

Sepanjang tempoh RMKe-9 iaitu dari tahun 2006 sehingga 2010, sebanyak RM8.0 bilion telah diperuntukkan bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB), Jalan Kampung (PJK) atau Jalan Perhubungan Desa (JPD), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB). Daripada jumlah tersebut, peruntukan bagi JALB adalah paling tinggi iaitu sebanyak RM3.9 bilion.

Sepanjang tempoh RMKe-10 dari tahun 2011 sehingga 2014 pula, sejumlah RM16.3 bilion telah diluluskan kepada Kementerian ini bagi pelaksanaan infrastruktur

asas yang telah disebutkan. Program JALB masih mendahului dengan peruntukan sebanyak RM6.3 bilion dan diikuti oleh BALB sebanyak RM5.2 bilion. Bagi keseluruhan peruntukan Kementerian dalam tempoh RMKe-9 dan RMKe-10, Sabah dan Sarawak adalah negeri penerima peruntukan tertinggi. Agihan peruntukan mengikut negeri diperincikan seperti di lampiran. ? *Lampiran*

Kementerian ini sentiasa komited dalam memastikan penduduk luar bandar memperoleh kehidupan berkualiti selaras matlamat ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020.